



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERTINDIHAN HARI KELEPASAN AM HARI MALAYSIA DAN HARI KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD S.A.W PADA 16 SEPTEMBER 2024

1. **16 September 2024 (Isnin)** telah diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am sempena Hari Malaysia dan juga Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Hari Malaysia merupakan hari cuti umum yang wajib diberikan kepada pekerja dan tidak boleh diganti dengan tarikh lain. Manakala Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W merupakan hari cuti umum pilihan. Mana-mana majikan sektor swasta yang memilih cuti Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W sebagai hari kelepasan am syarikat hendaklah menggantikan cuti tersebut pada hari Selasa, 17 September 2024 sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 60D(1) Akta Kerja 1955.
2. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja untuk menggantikan cuti Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W tersebut pada hari lain (selain 17 September) sebagaimana peruntukan seksyen 60D(1A) Akta Kerja 1955.

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
1 OGOS 2024**